



KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

## KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	HARIAN METRO - Santai			
TARIKH	:	22/7/2021 (KHAMIS)	MUKA SURAT	:	39
JABATAN	:	JMG			

# GEPARK BAHARU NEGARA

Perlis miliki rahsia semula jadi tak ternilai dalam Hutan Simpan Bukit Bintang

HM, 22 Jul  
2021\_39

Oleh Fairul Asmaini Mohd Pilus  
asmaini@nstp.com.my

Sebagai sebuah negeri yang terbentuk di bawah lembah banjaran batu kapur tertua di Malaysia, Perlis sememangnya menyimpan rahsia alam semula jadi yang tidak ternilai.

Ia turut digazetkan sebagai salah satu geopark baharu di negara ini.


Sebuah Pertubuhan bukan kerajaan, Perlis Nature and Wildlife (PNW) baru-baru ini, berkunjung ke sebuah lokasi di dalam Hutan Simpan Bukit Bintang untuk melihat pembentukan tiang batu semula jadi hasil daripada hakisan hujan dan angin sejak ratusan juta tahun dahulu.

Inisiatif itu sempena Perca Kain Project bagi melihat sendiri pembentukan formasi batu kapur berkenaan yang dilihat seolah-olah seperti megalith Stonehenge yang terbentuk secara semula jadi.

Tiang styolitic itu terletak di atas sebuah puncak permatang dan dikelilingi dusun buah-buahan yang berpotensi dijadikan sebagai tapak geopark untuk Perlis.

Menurut PNW, warisan geologi itu perlu dipelihara dan dijaga dari kerosakan.

"Kawasan itu perlu dipelihara dan dikawal dengan memasang papan tanda bagi memberi maklumat kepada orang tempatan untuk saling menjaga khazanah alam



PERLIS memiliki keindahan alam semula jadi yang mempesonakan.

semula jadi kita.

"Perca Kain Project adalah projek terbaharu PNW dalam merekodkan gua-gua dan formasi batu kapur di seluruh Perlis," katanya.

Pulau Langkawi sebelum ini diisytiharkan sebagai sebuah Geopark oleh Global Geopark Network (GGN) yang bernaung bawah Pertubuhan Bangsa-Bangsa




PEMBENTUKAN tiang batu semula jadi hasil daripada hakisan hujan dan angin sejak ratusan juta tahun dahulu yang terdapat di Hutan Simpan Bukit Bintang, Perlis.



ANTARA bentuk tiang batu semula jadi menarik yang terbentuk.

PERCA Kain Project adalah projek terbaharu PNW dalam merekodkan gua-gua dan formasi.



Bersatu (PBB) pada 1 Jun 2007.

Status itu bagaimanapun tertakluk kepada penilaian semula yang dilaksanakan setiap empat tahun, sekali gus meletakkannya sebagai Geopark pertama di rantau Asia Tenggara.

Pulau pelancongan itu berjaya mengekalkan status berkenaan untuk

dua proses penilaian semula yang dijalankan pakar Geologi pada tahun 2011 dan 2015.

Sementara itu, Perlis antara tujuh rancangan geopark kebangsaan yang sedang difokus bagi mendapat pengiktirafan supaya dikenali di seluruh Malaysia.

Meskipun perancangan Perlis Geopark hanyalah

berstatus geopark kebangsaan namun ia tetap mencabar kerana negeri itu dilihat kurang menerima kunjungan pelancong.

Begitu pun rakyat Perlis bertuah kerana negeri itu memiliki keindahan alam semula jadi yang mengagumkan dan ia semakin mendapat tempat dalam kalangan pelancong sejak kebelakangan ini.

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Tenaga dan Sumber Asli  
No. Tel. : 03-8000 8000 | Faks : 03-8889 4763 | Web : [www.ketsa.gov.my](http://www.ketsa.gov.my)



KeTSAMalaysia



ketsa.malaysia



KeTSAMalaysia